

Headline	Lindungi habitat kelip-kelip		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	08 Mar 2017	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	50
Section	Negara	Journalist	N/A
ArticleSize	198 cm ²		
PR Value	RM 15,474		



Lindungi habitat kelip-kelip

GOTONG-ROYONG.

Seramai 200 orang sukarelawan menyertai Program 'Jom Tanam Pokok Berembang dan Sayangi Sungai Selangor' di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor baru-baru ini.

Pengerusi Kelab Generasi Warisan Seri Asahan, Ali Tukiran berkata, program anjuran Tenaga Nasional Berhad dan Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan

itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjaga dan memulihara sungai serta mengekalkan habitat serangga itu daripada pupus

dan musnah.

"Melalui program tersebut, sebanyak 100 anak pokok berembang berjaya ditanam dan sebanyak 450 kilogram sampah sarap berjaya dikumpulkan," katanya.



SEBAHAGIAN sukarelawan program 'Jom Tanam Pokok Berembang dan Sayangi Sungai Selangor' bergambar kenangan bersama Ali (lima dari kanan) ketika menyertai acara itu di pusat pelancongan kelip-kelip Kampung Kuantan, baru-baru ini.